

TARIKH	25 / 10 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	55	RUANGAN	setempat



**CATATAN  
DARI MAKKAH**

**Badrila Jamlus**

## Suasana Makkah kini kembali tenang

**Assalamualaikum** dan salam sejahtera. Suasana di sekitar Makkah kini kembali tenang kerana kebahagiaan besar jemaah dari seluruh dunia sudah mula pulang secara berperingkat-peringkat termasuk jemaah Malaysia membabitkan beberapa KT yang sudah tiba di tanah air menaiki pesawat Saudi Airlines ataupun Malaysia Airlines (MAS).

Kebanyakan jemaah lebih bertumpu ke Masjidil Haram untuk melakukan tawaf widak atau tawaf selamat tinggal menyebabkan ruang sekitar Kaabah sesak sedikit, namun lengang pada waktu malam berbanding sebelum ini yang sentiasa sesak dengan jemaah

yang tidak putus-putus membanjiri masjid.

Begitu juga dengan pemandu teksi, di sini, yang sudah mula menurunkan kadar tambang mengikut harga biasa disebabkan jumlah jemaah yang semakin berkurangan, namun beberapa laluan jalan raya masih ditutup bagi melancarkan pergerakan jemaah pulang ke Jeddah.

Bagi petugas media, antara yang sudah pulang ialah dari stesen televisyen Al-Hijrah manakala sebahagian lagi iaitu Media Prima Berhad (Harian Metro dan TV3), BERNAMA, RTM, Astro Awani dan radio IKIM kini berada di penempatan sementara Tabung Haji di Madinatul Hujjaj, Jeddah se-

belum menaiki pesawat Saudi Airlines pada jam 7 pagi Sabtu ini.

Perkara utama menjadi kebimbangan kami ialah bagasi masing-masing melebihi had muatan ditetapkan syarikat penerbangan. Maklumlah kami di sini bertugas hampir dua bulan dan turut membawa barangan keperluan untuk tugas selama tempoh itu.

Selain itu, ramai dalam kalangan kami juga sudah menghantar lebih awal barangan dibeli menggunakan perkhidmatan pos.

Sudah semestinya ramai ingin membawa pulang barangan di sini sebagai cenderamata dengan kurma Nabi (Ajwa) serta air zamzam menjadi keutamaan.